

20 JUN 2002  
Umno-Perhimpunan  
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERMULA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 2002 bermula hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Aturcara perhimpunan bermula dengan ketibaan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pukul 9 pagi.

Dengan diiringi Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, Dr Mahathir menerima tabik hormat daripada perbarisan 56 anggota Briged Putera, 56 anggota Briged Wanita dan 56 anggota Puteri Umno di Dataran PWTC.

Beliau kemudian memeriksa perbarisan yang diketuai oleh Kapten (B) Suznan Saad dari briged putera.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Penaja Puteri Azalina Othman Said mengiringi Dr Mahathir semasa pemeriksaan perbarisan berkenaan.

Dr Mahathir seterusnya menaikkan bendera Umno sambil diiringi nyanyian lagu Umno yang dipersembahkan bersama-sama oleh kumpulan koir pelajar pelbagai sekolah.

Pada masa yang sama dua buah paraglider yang membawa perkataan "Umno perjuangan sebuah bangsa" dan bendera Umno berlegar di ruang udara.

Selesai majlis di dataran itu, Dr Mahathir merasmikan perhimpunan dengan menyampaikan ucaptama di Dewan Merdeka.

Majlis perasmian itu turut dihadiri para pemimpin parti komponen Barisan Nasional, sebanyak 45 wakil dari parti-parti yang diundang dari 18 negara serta perwakilan asing.

Perhimpunan yang dihadiri 2,033 perwakilan itu akan berlangsung sehingga Sabtu ini. Umno yang berusia 56 tahun kini mempunyai kira-kira 3 juta anggota.

-- BERNAMA  
BD AZZ RHM